

23 AUG, 2026

RAKYAT MALAYSIA BELUM YAKIN GUNA EV?



Metro Ahad, Malaysia

MASA DEPAN KENDERAAN ELEKTRIK DI MALAYSIA

RAKYAT MALAYSIA
BELUM YAKIN GUNA EV?

Peralihan ke arah penggunaan kenderaan elektrik (EV) bukan lagi sekadar trend global, malah semakin menjadi sebahagian daripada agenda transformasi industri automotif negara.

Dengan pelbagai dasar dan insentif diperkenalkan kerajaan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Malaysia menyaksikan kemaskin semakin banyak jenama EV antarabangsa, selain peningkatan pilihan model yang lebih mampu dimiliki oleh pengguna tempatan.

Pakar industri EV, IR MOHD RAZIF ABD HALIM, berkongsi pandangan mengenai hala tuju industri, dasar serta pembangunan ekosistem EV negara bersama wartawan LIZAM RIDZUAN.

Di manakah kedudukan semasa Malaysia dalam peralihan ke arah kenderaan elektrik berbanding negara lain di rantau ini?

Malaysia kini berada pada kedudukan pertengahan dalam ASEAN. Jika dibandingkan dengan Thailand dan Indonesia, kita masih ketinggalan dari segi jumlah kenderaan elektrik di jalan raya. Namun, kadar pertumbuhan pasaran menunjukkan perkembangan yang

positif. Kerajaan telah meletakkan asas menerusi Dasar Automotif Nasional 2020 (NAP 2020) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), selain menawarkan pelbagai insentif yang berjaya menarik kemaskin pengeluaran global. Ini memberikan lebih banyak pilihan kepada pengguna.

Adakah dasar dan insentif sedia ada mencukupi untuk mempercepatkan penggunaan EV dalam kalangan rakyat?

Pada pandangan saya, insentif diperkenalkan kerajaan berjaya mencapai objektif fasa pertama iaitu merangsang pasaran. Tetapi untuk memasuki fasa kedua atau penggunaan secara besar-besaran, kita memerlukan dasar yang lebih menyeluruh dan konsisten. Antaranya kesinambungan insentif cukai, galakan pemasangan pengecas di rumah, pembangunan infrastruktur serta pendidikan kepada pengguna. Industri memerlukan kepastian supaya pelaburan dapat diteruskan.



Walaupun pelbagai inisiatif telah diperkenalkan, kadar penerimaan EV masih sederhana, apakah faktor utama yang menyumbang kepada situasi ini?

Faktor utama masih membabitkan harga kenderaan, akses kepada pembiayaan, persepsi terhadap jangka hayat bateri dan ketersediaan kemudahan pengecasan. Selain itu, ramai pengguna masih melihat harga pembelian semata-mata sedangkan mereka perlu mengambil kira keseluruhan kos pemilihan atau *total cost of ownership*.

Apakah faktor utama yang mendorong keputusan untuk beralih kepada kenderaan elektrik?

Trend hari ini juga menunjukkan pengguna semakin membuat keputusan berdasarkan faktor



Dalam konteks gaya hidup bandar, bagi penghuni kondominium atau apartmen, sejauh mana EV dilihat praktikal? Ini antara cabaran terbesar ketika ini. Sekitar 70 hingga 80 peratus pengecasan EV lazimnya berlaku di rumah, tetapi penghuni bangunan bertingkat sering berdepan kekangan memasang pengecas sendiri."

Mohd Razif

ekonomi dan kemudahan penggunaan, bukan lagi sekadar ingin mencuba teknologi baharu.

Bagaimanakah pengalaman penggunaan harian dari segi pengecasan, jarak perjalanan serta kos penyelenggaraan?

Dalam konteks gaya hidup bandar, khususnya bagi penghuni kondominium atau apartmen, sejauh mana EV dilihat praktikal?

Ini antara cabaran terbesar ketika ini. Sekitar 70 hingga 80 peratus pengecasan EV lazimnya berlaku di rumah, tetapi penghuni bangunan

bertingkat sering berdepan kekangan untuk memasang pengecas sendiri. Kita memerlukan garis panduan yang lebih jelas membabitkan JMB, penggunaan sub-meter serta penyediaan ruang khas untuk pengecasan EV di bangunan baharu.

Sejauh manakah tahap pembangunan infrastruktur pengecasan di Malaysia mampu menyokong pertumbuhan EV secara meluas?

Infrastruktur berkembang dengan sangat baik, namun kita masih perlu mempercepatkan pembangunan jika mahu mencapai sasaran 15 peratus EV daripada jumlah keseluruhan jualan kenderaan menjelang 2030. Kemudahan pengecasan perlu diperluaskan bukan sahaja di lebuh raya tetapi juga di kawasan bandar, bangunan komersial dan kawasan kediaman.

Sekiranya berlaku perubahan terhadap subsidi bahan api pada masa hadapan, apakah implikasinya terhadap kadar penerimaan EV?

Jika harga bahan api meningkat atau subsidi dikurangkan, EV akan menjadi lebih menarik dari sudut ekonomi. Namun pengguna tetap

memerlukan keyakinan bahawa dasar kerajaan adalah konsisten dan harga EV kekal kompetitif selepas insentif berakhir.

Sejauh manakah persepsi dan tahap keyakinan pengguna mempengaruhi keputusan untuk beralih kepada EV?

Persepsi memainkan peranan yang sangat besar. Masih banyak mitos mengenai EV termasuk isu bateri, keselamatan dan kos penyelenggaraan. Sebab itu pendidikan kepada pengguna dan juga jurujual perlu dipertingkatkan supaya maklumat yang disampaikan lebih tepat.

Adakah Malaysia benar-benar bersedia untuk menjadikan EV sebagai norma dalam sistem pengangkutan negara?

Saya optimis Malaysia mampu mencapainya, tetapi ia bergantung kepada kesinambungan dasar kerajaan dan pembangunan keseluruhan ekosistem. Kita bukan sahaja memerlukan lebih banyak EV, malah pembangunan bakat tempatan, penyelidikan dan pembangunan (R&D), vendor, pembekal teknologi serta sokongan kepada sektor logistik dan pengangkutan awam.



KEMUDAHAN pengecasan perlu diperluaskan bukan sahaja di lebuh raya tetapi juga di kawasan bandar, bangunan komersial dan kawasan kediaman.